

# UPHAMOL FLU TABLET

Paracetamol / Chlorpheniramine Maleate (500mg / 2mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uphamol Flu
2. Bagaimana Uphamol Flu berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uphamol Flu
4. Cara menggunakan Uphamol Flu
5. Semasa menggunakan Uphamol Flu
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Flu
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Uphamol Flu

Uphamol Flu mengandungi *paracetamol* dan *chlorpheniramine maleate* sebagai bahan aktif. Kombinasi bahan aktif ini berkesan untuk melegakan simptom-simptom selsema.

Doktor anda mungkin membekalkan Uphamol Flu untuk tujuan lain.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ubat ini dibekalkan kepada anda.

## Bagaimana Uphamol Flu berfungsi

Uphamol Flu tergolong di dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina, analgesic dan antipiretik.

*Chlorpheniramine maleate* tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil 'antihistamina sedatif'. Antihistamina' membantu mengurangkan gejala alahan dengan mencegah kesan hasil daripada bahan yang dipanggil histamina.

*Paracetamol* diklasifikasikan sebagai ubat analgesik (agen untuk melegakan kesakitan). Ia biasanya digunakan untuk melegakan sakit kepala.

Histamina dihasilkan oleh badan sebagai tindak balas terhadap bahan asing yang menyebabkan alergi.

## Sebelum menggunakan Uphamol Flu

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil Uphamol Flu:

- jika anda alah kepada *paracetamol* atau *chlorpheniramine* atau mana-

mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini.

- jika anda mempunyai masalah buah pinggang.
- jika anda pernah mempunyai reaksi alahan selepas mengambil *paracetamol* atau *chlorpheniramine*.

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, seperti kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Tanda-tanda tersebut mungkin menunjukkan keadaan yang serius. Jika tindak balas sedemikian berlaku, hentikan pengambilan dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Reaksi mungkin termasuk asma, hidung berair, tindak balas kulit yang teruk seperti ruam kulit, lepuh dan mengelupas atau muka bengkak. Jika anda fikir anda boleh alah, tanya doktor anda untuk nasihat.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil dos pertama jika sebelum ini anda pernah rasa tidak sihat selepas mengambil Uphamol Flu.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tercetak pada pek ini.

Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luputnya, ia mungkin tidak berkesan.

Jangan mengambil ubat ini jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda salahguna.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Sebelum anda menggunakan Uphamol Flu*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan, terutamanya yang berikut:

- masalah hati
- masalah buah pinggang

Beritahu doktor anda jika anda:

- hamil atau bercadang untuk hamil

- menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusukan bayi

Jika anda belum memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil Uphamol Flu.

Penyediaan ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil sebarang ubat yang mengandungi Paracetamol yang lain masa.

## *Jika mengambil ubat- ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Uphamol Flu boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- ubat yang digunakan untuk merawat kegelisahan atau membantu anda tidur seperti barbiturat, hipnotik, sedatif dan ubat penenang
- ubat yang boleh menyebabkan anda rasa mengantuk seperti barbiturat, hipnotik, sedatif dan ubat penenang

Ubat-ubat di atas mungkin dipengaruhi oleh Uphamol Flu atau mungkin menjejaskan keberkesanannya.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat-ubat yang perlu diberi perhatian semasa mengambil Uphamol Flu atau yang perlu dielakkan.

## Cara Menggunakan Uphamol Flu

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk pertolongan.

- Berapa banyak yang harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak umur lebih 12 tahun:

Ambil satu hingga dua biji setiap 4 hingga 6 jam (tidak lebih daripada 6 biji untuk satu hari) atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Kanak-kanak berumur antara 7 – 12 tahun:

Ambil setengah hingga satu biji setiap 4 hingga 6 jam (tidak lebih daripada 4 biji untuk satu hari) atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Tidak disyorkan untuk penggunaan di kalangan kanak-kanak bawah umur 7 tahun.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

Tunggu sekurang-kurangnya 4 jam sebelum mengambil dos berikutnya.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Uphamol Flu selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dibuat, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Uphamol Flu, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke

bagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan muntah-muntah, loya, sakit pada perut dan usus, tekanan darah tinggi, anoreksia (gangguan makan) dan cirit-birit.

**Semasa menggunakan Uphamol Flu**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Uphamol Flu seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Uphamol Flu.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Uphamol Flu.

Beritahu doktor anda dengan segera, jika anda hamil ketika mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil lebih daripada yang disyorkan melainkan jika doktor anda mengarahkan anda untuk berbuat demikian.

Jangan mengambil ubat ini pada dos yang tinggi untuk tempoh yang panjang melainkan doktor anda mengarahkan anda untuk berbuat demikian.

Mengambil ubat ini melebihi dos yang disyorkan akan menyebabkan kerosakan hati.

Jangan mengambil sebarang ubat yang boleh menyebabkan rasa mengantuk semasa anda mengambil Uphamol Flu, melainkan disyorkan oleh doktor anda.

Elak daripada meminum alkohol dengan ubat ini. Alkohol meningkatkan kemungkinan rasa mengantuk.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Uphamol Flu boleh menyebabkan rasa pening atau mengantuk di kalangan sesetengah orang, terutamanya selepas dos pertama.

Jika berlaku, jangan memandu kereta, mengendalikan jentera atau melakukan apa-apa yang mungkin membahayakan jika anda pening atau mengantuk.

**Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil Uphamol Flu.

Seperti semua ubat yang lain, Uphamol Flu menyebabkan kesan sampingan kepada sesetengah orang. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab sebarang soalan anda jika perlu.

Ini mungkin kesan sampingan yang serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Kesan-kesan sampingan biasa Uphamol Flu termasuk :

- mengantuk
- mulut merasa kering
- ketidakselesaan dan kerengsaan pada perut dan usus

Tindak balas alahan kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrom / Toxic Epidermal Necrolysis telah dilaporkan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku pada sesetengah pesakit.

Jangan bimbang dengan kesan sampingan yang disenaraikan. Anda mungkin tidak akan mengalami apa-apa kesan sampingan ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (Consumers→Reporting→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Flu

### - Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknyanya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Uphamol Flu atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Jangan simpan Uphamol Flu selepas tarikh tamat tempoh.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa dan warna produk

Pil berdiameter 12mm, berbentuk bulat, rata, bergores dan berwarna merah/kuning (campuran).

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan aktif:

Setiap pil mengandungi 500mg *paracetamol* dan 2mg *chlorpheniramine maleate*.

#### - Bahan tidak aktif:

- Tepung jagung
- Magnesium stearate
- Sodium starch glycolate
- Povidone

- Ponceau 4R
- Pewarna kuning
- Micocrystalline Cellulose
- Purified Water

### - Nombor MAL

MAL 19860357AZ

## Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.

Lot No.2& 4, Jalan P/7, Seksyen 13, Bangi Industrial Estate  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.

Lot No.2,4,6,8 & 10 Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

26/06/2019

Nombor siri

NPRA (R4/1)241018/00293